



**PERADUAN FOTO “KENALI MALAYSIA, SAYANGI MALAYSIA”  
PLUS  
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

**A. TERMA-TERMA ASAS**

1.	<b>Penganjur</b>	Astro Radio Sdn Bhd
2.	<b>Stesen Radio</b>	ERA, hitz dan MY
3.	<b>Nama Peraduan</b>	Peraduan Foto “Kenali Malaysia, Sayangi Malaysia” PLUS
4.	<b>Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan</b>	Sertai peraduan ini untuk peluang memenangi sebuah iPhone X dan mata ganjaran PLUSMiles
5.	<b>Mekanisma ringkas Peraduan</b>	<p>Peraduan ini akan dipromosikan di tiga stesen radio (ERA, hitz dan MY) di udara, internet dan laman sosial .</p> <p>Peserta perlu memuat naik gambar tentang apa-apa benda yang mereka paling suka tentang Malaysia dengan kapsyen kreatif di akaun Instagram atau Facebook mereka dengan hashtag, #PLUSMerdeka2018</p> <p>Setiap minggu (migu adalah dari Isnin, 12.00 pagi hingga Ahad, 11.50 malam), penganjur dan / atau penaja Peraduan, PLUS Malaysia Berhad ("PLUS") akan memilih empat (4) pemenang (satu (1) pemenang hadiah utama dan tiga (3) pemenang hadiah saguhati) dengan gambar yang paling menarik dan kapsyen yang paling kreatif daripada semua penyertaan daripada ketiga-tiga stesen radio (ERA, hitz dan MY) dan semua gambar yang dimuat naik di Instagram atau Facebook dengan hashtag #PLUSMerdeka2018 dalam minggu tersebut. Pemenang akan ditentukan oleh Penganjur dan / atau PLUS mengikut budi bicara mutlak, berdasarkan kesepadanan dengan tema "Kenali Malaysia, Sayangi Malaysia", kesan keseluruhan, inspirasi kepada orang lain, kreativiti, cerita dalam kapsyen dan kriteria lain yang ditentukan oleh Penganjur dan / atau PLUS.</p> <p>Pemenang hadiah utama setiap minggu akan memenangi sebuah (1) iPhone X dan sepuluh ribu (10,000) mata ganjaran PLUSMiles. Pemenang hadiah utama tersebut akan memenangi dua (2) iPhone X dan dua puluh ribu (20,000) mata ganjaran PLUSMiles jika dia adalah ahli PLUSMiles berdaftar (didaftarkan pada atau sebelum 30 September 2018).</p> <p>Tiga (3) pemenang hadiah saguhati setiap minggu akan memenangi sepuluh ribu (10,000) mata ganjaran PLUSMiles setiap pemenang. Pemenang hadiah saguhati tersebut akan memenangi dua puluh ribu (20,000) mata ganjaran PLUSMiles jika dia adalah ahli PLUSMiles berdaftar (didaftarkan pada atau sebelum 30 September 2018).</p>
6.	<b>Kriteria Kelayakan</b>	<p>Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke atas pada 27 Ogos 2018</p> <p>Dalam situasi di mana seseorang peserta adalah di bawah umur 18 tahun, peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga peserta untuk memasuki Peraduan ini.</p> <p>Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk memantau penyertaan peserta di dalam Peraduan ini.</p> <p>Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah peserta dibawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.</p>

7.	<b>Ketidaklayakan</b>	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -</p> <p>a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan termasuk PLUS, anak syarikat dan syarikat bersekutunya dengan Peraduan ini;</p> <p>b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1000.00 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini;</p> <p>c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1001.00 - RM5000.00 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini;</p> <p>d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5001.00 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.</p>
8.	<b>Umur Kelayakan</b>	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke atas pada 27 Ogos 2018
9.	<b>Caj</b>	Tidak berkenaan
10.	<b>Tempoh Peraduan</b>	27 Ogos 2018 hingga 30 September 2018
11.	<b>Bahasa Peraduan</b>	Bahasa Malaysia
12.	<b>Prosedur Penyertaan</b>	<p>Peserta perlu memuat naik gambar tentang apa-apa benda yang mereka paling suka tentang Malaysia dengan kapsyen kreatif di akaun Instagram atau Facebook mereka dengan hashtag, #PLUSMerdeka2018</p> <p>Tetapan privasi profil / akaun / pos peserta mestilah ditetapkan sebagai awam semasa dan selepas Tempoh Peraduan.</p>
13.	<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	30 September 2018, 11.59 malam
14.	<b>Cara Penghantaran</b>	Melalui aplikasi laman sosial, Instagram atau Facebook
15.	<b>Alamat</b>	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000, Kuala Lumpur
16.	<b>Pemilihan Pemenang</b>	Empat (3) pemenang (satu (1) pemenang hadiah utama dan tiga (3) pemenang hadiah saguhati) dengan gambar yang paling menarik dan kapsyen yang paling kreatif akan dipilih setiap minggu (minggu adalah dari Isnin, 12.00 pagi hingga Ahad, 11.50 malam) daripada semua penyertaan daripada ketiga-tiga stesen radio (ERA, hitz dan MY) dan semua gambar yang dimuat naik di Instagram atau Facebook dengan hashtag #PLUSMerdeka2018. Pemenang akan ditentukan oleh Penganjur dan / atau PLUS mengikut budi bicara mutlakanya, berdasarkan kesepadanan dengan tema "Kenali Malaysia, Sayangi Malaysia", kesan keseluruhan, inspirasi kepada orang lain, kreativiti, cerita dalam kapsyen dan kriteria lain yang ditentukan oleh Penganjur dan / atau PLUS.
17.	<b>Hadiah</b>	<p><b><u>Hadiah Utama</u></b> [Satu (1) Pemenang setiap minggu daripada semua gambar dan penyertaan daripada ketiga-tiga stesen radio (ERA, hitz dan MY)]</p> <p>Sebuah (1) iPhone X dan sepuluh ribu (10,000) mata ganjaran PLUSMiles <b>ATAU</b> jika pemenang adalah ahli PLUSMiles berdaftar (didaftarkan pada atau sebelum 30 September 2018), pemenang akan memenangi dua (2) iPhone X dan dua puluh ribu (20,000) mata ganjaran PLUSMiles.</p> <p><b><u>Hadiah Saguhati</u></b> [Tiga (3) Pemenang setiap minggu daripada semua gambar dan penyertaan daripada ketiga-tiga stesen radio (ERA, hitz dan MY)]</p> <p>Sepuluh ribu (10,000) mata ganjaran PLUSMiles setiap pemenang <b>ATAU</b> jika pemenang adalah ahli PLUSMiles berdaftar (didaftarkan pada atau</p>

		sebelum 30 September 2018), pemenang akan memenangi dua puluh ribu (20,000) mata ganjaran PLUSMiles.
18.	<b>Pemberitahuan Pemenang Peraduan</b>	Nama pemenang akan diumumkan melalui SMS atau panggilan telefon
19.	<b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>	Akan diumumkan oleh pihak Penganjur
20.	<b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>	Akan diumumkan oleh pihak Penganjur
21.	<b>Terma-terma tambahan, jika ada</b>	<p>Tetapan privasi profil / akaun / pos peserta mestilah ditetapkan sebagai awam semasa dan selepas Tempoh Peraduan.</p> <p>Peraduan ini tidak sama sekali ditaja, disokong, ditadbir oleh, atau dikaitkan dengan Instagram dan Facebook. Peserta memahami bahawa anda memberikan maklumat anda kepada pihak Penganjur dan/atau PLUS dan bukan Instagram atau Facebook.</p> <p>Penyertaan dan foto yang dimuatnaik adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan dan akan ditapis oleh proses penapisan dalaman. Mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi peraturan akan dibatalkan.</p> <p>Semua peserta bersetuju untuk menyerahkan dan memindahkan kepada Penganjur, PLUS dan syarikat-syarikat berkaitannya hak mutlak yang tidak terhad untuk menggunakan dan mengeksploitasi mana-mana dan semua foto yang Peserta muatnaik untuk Peraduan ini di seluruh dunia untuk tempoh penuh hak cipta. Pihak Penganjur, PLUS dan syarikat-syarikat berkaitan atau rakan sekutu mereka hendaklah mempunyai hak (tetapi bukan kewajipan) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan foto dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknya untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa sebarang bayaran royalti apa sahaja kepada Peserta.</p> <p>Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual untuk wang tunai.</p> <p>Panel juri akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau PLUS. Sebarang keputusan hakim, pihak Penganjur dan/atau PLUS adalah muktamad dan Penganjur dan/atau PLUS tidak akan melayan sebarang rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p>

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.